

14/11/1998

Indonesia tidak minat bincang kes

KUALA LUMPUR, Jumaat - Indonesia tidak bercadang menimbulkan isu membabitkan kes bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di sini minggu depan.

Menteri Luarnya, Ali Alatas, berkata Indonesia sentiasa menjunjung tinggi prinsip untuk tidak mencampuri masalah dalam negara lain, apalagi negara jiran sesama Asean.

"Indonesia memang tidak pernah cuba campurtangan dalam masalah itu. Apa yang diucapkan oleh Presiden BJ Habibie adalah ungkapan peribadi beliau," katanya dalam temu bual di TV3, malam ini.

Menurutnya, apa yang seharusnya menjadi agenda utama perbincangan ketika forum Apec ialah masalah krisis ekonomi yang kini bukan sahaja melanda Asia, tetapi sudah menjadi krisis global.

Mengenai rangka kerja Habibie ketika menghadiri Apec kali ini, Ali Alatas berkata di samping membabitkan diri secara aktif di dalam forum berkenaan, Habibie juga dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan pemimpin Apec lain, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam temu bual itu, Ali Alatas berkata keupayaan Asean untuk terus bergerak dalam kesatuan juga tidak terjejas berikutan krisis ekonomi serantau.

Menurutnya, ini dapat dilihat daripada sikap saling membantu di kalangan negara anggota Asean sewaktu permulaan krisis itu.

"Sewaktu menteri ekonomi Asean bertemu di Manila, mereka tidak berputus asa mengenai krisis itu malahan secara sepakat menyetujui agar Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dipercepatkan perlaksanaannya."

"Ini semua menunjukkan bahawa semangat Asean itu masih kukuh," katanya.

Tegas beliau, Asean tidak pernah tergoncang oleh permasalahan, baik masalah luaran mahupun yang membabitkan perbezaan pendapat kerana ia sentiasa berhasil menyelesaikannya.

Ali Alatas turut melahirkan keyakinannya pengajaran daripada krisis itu akan menjadikan ekonomi negara yang dilanda oleh krisis ekonomi itu lebih kukuh.

Tambahnya, krisis ekonomi ini juga tidak disangkal menyedarkan masyarakat antarabangsa bahawa ia adalah kesan daripada aspek negatif proses globalisasi terutamanya dalam bidang kewangan yang sedang berlangsung, dan bukannya semata-mata berpunca daripada masalah di Asia.

(END)